



PMBI manifestasi kemerdekaan hakiki – MB Kelantan

Era AI jejas autoriti institusi agama – Exco Pembangunan Islam Kelantan

Penghulu perlu jadi ‘bapa’ kepada rakyat – MB Kelantan

Yayasan Kasih Mutiara legasi tokoh korporat Kelantan perkukuh kebajikan

Bahasa tindakan lebih berkesan daripada percakapan - MB Kelantan

Oleh Norzana Razaly

KOTA BHARU, 1 September – Cabaran terbesar dalam usaha menyebarkan risalah Islam pada masa kini ialah memperlihatkan ajaran Islam melalui bahasa tindakan seharian berbanding percakapan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, konsep berdakwah melalui teladan hidup (dakwah bil-hal) yang menuntut umat Islam menzahirkan akhlak mulia, sikap berhemah dan pendirian yang teguh lebih berkesan berbanding menyeru secara lisan.

“Bahasa tindakan lebih berkesan daripada bahasa percakapan. Inilah dakwah bil-hal, iaitu cara hidup yang memberi teladan secara langsung kepada masyarakat.

“Kita perlu menunjukkan Islam melalui akhlak, sikap dan cara hidup yang menyeluruh,” katanya



ketika merasmikan Konvensyen Halaqat Negeri Kelantan 2025 di Dewan Pusat Konvensyen Kelantan (KTC), di sini, hari ini.

Menurut Dato’ Nassuruddin, dakwah tidak boleh dilihat sebagai tugas segelintir golongan, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama setiap Muslim.

Menurutnya, kewujudan Halaqat sebagai entiti khusus adalah amat penting bagi menyusun strategi dakwah secara sistematik dan berkesan.

Beliau turut mengangkat pandangan tokoh ulama, Syeikh Sa’id Hawwa, yang menyifatkan dakwah bukan sahaja matlamat, tetapi juga wasilah bagi mencapai tujuan lebih besar termasuk penyucian jiwa, pembinaan individu Muslim, pengukuhan keluarga, pembentukan masyarakat dan negara Islam.

“Melalui Halaqat, kita mahu melahirkan masyarakat yang memahami Islam bukan sekadar teori, tetapi sebagai cara hidup menyeluruh. Inilah jihad dakwah

“

Melalui Halaqat, kita mahu melahirkan masyarakat yang memahami Islam bukan sekadar teori, tetapi sebagai cara hidup menyeluruh. Inilah jihad dakwah yang mesti digerakkan bersama,”

yang mesti digerakkan bersama,” ujarnya.

Menteri Besar turut merakamkan penghargaan kepada Bahagian Dakwah Halaqat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) atas inisiatif menganjurkan konvensyen yang julung-julung kali diadakan.

Tambahnya, platform berkecemasan penting untuk memperkukuh agenda dakwah negeri dengan lebih tersusun, berwawasan dan berdaya saing.



Gu Penerangan diseru proaktif perjelas pencapaian Kelantan kepada rakyat

Oleh Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 3 September – Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menegaskan bahawa Gu Penerangan mesti berperanan proaktif menyampaikan pencapaian dan dasar pembangunan Kerajaan Negeri Kelantan kepada rakyat secara berterusan.

Menurutnya, banyak kejayaan Kelantan mendahului negeri lain, namun kurang disedari masyarakat kerana maklumat tidak sampai dengan jelas.

Jelasnya lagi, Gu Penerangan lantikan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) terdiri daripada Penghulu Mukim, Penghulu Tanpa Mukim Seranta dan pegawai teknologi



maklumat di Pusat Khidmat DUN. Maka, peranan mereka amat penting sebagai jurucakap di akar umbi bagi memastikan rakyat mengetahui pencapaian negeri.

“Gu Penerangan mesti wujudkan rasa kasih sayang rakyat kepada Kerajaan Negeri dengan memberi penerangan mengenai hak-hak negeri serta bidang kuasa negeri dan persekutuan. Jadi, Gu Pen-

erangan perlu menjadi penyampai maklumat yang tepat dan berkesan sekali tongkat serandang kerajaan negeri,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyampaian Watikah dan Amanat Gu Penerangan di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Beliau turut menekankan bahawa pendekatan Politik Matang



dan Sejahtera (PMBI) membolehkan hubungan baik antara kerajaan negeri dan persekutuan terus diperkukuh demi manfaat rakyat.

“Menteri Besar sentiasa bertemu Perdana Menteri atas dasar federalisme. Atas dasar PMBI yang diamalkan, banyak permintaan kita diluluskan kerajaan Persekutuan untuk kesejahteraan rakyat Kelantan,” ujarnya.

Era AI jejas autoriti institusi agama – Exco Pembangunan Islam



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 1 September – Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menyuarakan kebimbangan terhadap kesan negatif era kecerdasan buatan (AI) terhadap institusi Islam dan para ulama di negara ini.

Menurut beliau, kebergantungan masyarakat, khususnya golongan muda, kepada AI dalam hal-hal berkaitan agama boleh menjejaskan autoriti institusi agama serta peranan alim ulama.

“Apabila masyarakat lebih merujuk kepada AI dalam isu-isu agama, peranan pihak berautoriti seperti pejabat mufti dan para alim ulama akan terhakis. Hal ini boleh menggugat kedudukan institusi agama yang selama ini menjadi rujukan utama dalam urusan keagamaan,” katanya semasa menyam-



paikan ucapan aluan di Konvensyen Halaqat Negeri Kelantan 2025 yang berlangsung di Kelantan Trade Centre (KTC) di sini, hari ini.

Oleh itu, beliau menyeru para pendakwah agar melihat perkara ini secara serius kerana kesannya sangat besar yang mana semakin hari semakin terhakisnya kredibiliti ilmu apabila setiap orang akan merujuk kepada AI, khususnya ChatGpt dan tidak lagi merujuk perkara-perkara agama kepada alim ulama dan intitusi hal ehwal Islam.

YB Mohd Asri mengakui AI mempunyai banyak kelebihan, namun menegaskan bahawa perbincangan berkaitan Islam sering ditapis secara tidak adil oleh sesetengah platform digital yang menggunakan teknologi AI.

“Kalimah-kalimah seperti jihad, syariat, dan khalifah sering kali ditapis atau dibenamkan oleh platform seperti YouTube dan Tik-

Tok, yang menganggapnya sebagai kandungan ekstrem. Ini memberi kesan negatif terhadap imej Islam dan boleh mengelirukan masyarakat,” ujarnya.

Beliau turut menyatakan kebimbangan terhadap penyalahgunaan AI dalam kalangan pelajar yang menciapkan maklumat tanpa menyatakan sumber, hingga menjejaskan integriti akademik dalam bidang keagamaan.

“Kita lihat berlaku penciplakan secara berleluasa, terutama dalam kalangan pelajar yang mengambil maklumat dari AI lalu mengaku sebagai milik sendiri. Ini sangat membimbangkan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru para pendakwah dan asatizah agar lebih proaktif dalam menangani cabaran era AI dengan memperkukuh penyampaian dakwah menerusi pelbagai platform media sosial dan alternatif yang ada.

“Para pendakwah mesti mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. Pendekatan baharu perlu diterokai agar mesej dakwah terus sampai dan kredibiliti ilmu Islam dapat dipertahankan,” tegasnya.

Majlis perasmian konvensyen tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Dato’ Panglima Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud, yang turut melancarkan Buku Panduan Tajwid al-Quran karangan Ketua Pengelola Halaqat Dr. Mohamed Alwi Yusof. Buku tersebut akan menjadi rujukan 2,700 guru al-Quran di seluruh Kelantan.

Menteri Besar juga menyampaikan watikah pelantikan kepada pegawai Halaqat bagi 14 kawasan Parlimen di Kelantan.

Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Dewan Rakyat Kelantan, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) Dr. Hasan Ramli serta Pengelola Halaqat Negeri Dr. Mohamed Alwi Yusof.

PMBI manifestasi kemerdekaan hakiki – MB Kelantan

Oleh Norzana Razaly

KOTA BHARU, 31 Ogos – Strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menjadi mekanisme pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan bagi melestari dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang dilaksanakan sejak lebih tiga dekad lalu adalah manifestasi kemerdekaan hakiki.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, PMBI mencerminkan iltizam kepimpinan untuk istiqamah menunaikan prinsip syariat dalam mengemudi pemerintahan negeri.

Menurutnya, dasar tersebut diteruskan sehingga hari ini sebagai manifestasi untuk memaknakan erti kemerdekaan yang sebenar.

"Pada saat kita diberikan amanah mentadbir, syariat Islam dijadikan panduan dan hala tuju agar kewajipan sebagai khalifah Allah



SWT dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Inilah makna kemerdekaan hakiki, bebas daripada pengaruh luar dan tunduk hanya kepada peraturan Allah," katanya ketika menyampaikan amanat sempena Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2025 Peringkat Negeri Kelantan di Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, malam tadi.

Beliau turut mengangkat pandangan Imam al-Ghazali yang menegaskan bahawa Islam dan pemerintahan adalah ibarat saudara

kembar.

"Islam itu asas, pemerintahan itu penjaga. Apa yang tiada asas maka akan runtuh, dan apa yang tiada penjaga maka ia akan lenyap," petiknya.

Jelasnya, asas inilah yang memandu Kelantan untuk terus istiqamah dalam membangunkan negeri dengan acuan Islam sehingga menjadi benteng ketahanan rakyat menghadapi cabaran semasa.

"Sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, marilah kita memaknakan kemerdekaan dalam



diri, mempertautkan perpaduan ummah dan meneguhkan iltizam untuk melihat agama, bangsa dan tanah air tercinta lebih gemilang," serunya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut menegaskan harapan agar seluruh rakyat memperbaharui azam dan tekad untuk memajukan negeri berpandukan ajaran Islam, bukan hanya dari sudut pembangunan fizikal tetapi juga dari aspek jati diri, akhlak dan seluruh sistem kehidupan agar selari dengan kehendak Allah SWT.

Usahawan tani digalakkan ceburi sektor hiliran madu kelulut



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Sept – Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menggalakkan lebih ramai usahawan tani di Kelantan agar berani menceburi sektor hiliran berasaskan kelulut.

Menurutnya, madu kelulut bernilai tinggi dalam pasaran makanan dan berpotensi besar dalam sektor kesihatan, pemakanan tambahan dan kosmetik.



"Kita mahu melihat lebih ramai usahawan tani di Kelantan berjaya meneroka sektor hiliran yang mempunyai nilai tambah tinggi. Nilai tambah yang terhasil daripada produk madu kelulut boleh mengangkat industri bioteknologi pertanian negeri ke tahap lebih berdaya saing," katanya ketika merasmikan Bengkel Agri Bio Class: Penghasilan Produk Hiliran Berasaskan Kelulut yang berlangsung di Dewan Fiber, Institut Latihan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Kubang Kerian pada

Isnin.

Program anjuran Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd itu menghimpunkan 20 usahawan tempatan yang terlibat dalam peneroakan dan pembangunan inovasi produk hiliran berasaskan kelulut.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, usaha tersebut seiring dengan misi kerajaan negeri memperkukuh ekosistem pertanian pintar dan lestari, sekali gus memberi manfaat ekonomi kepada rakyat serta menyumbang ke-

pada pembangunan negeri secara menyeluruh.

Bengkel berkenaan memberi tumpuan kepada pengenalan, teori dan praktikal mengenai teknik penghasilan produk hiliran berasaskan madu kelulut, khususnya dalam aspek makanan, kesihatan dan kosmetik.

Jelasnya, penghasilan produk berasaskan madu kelulut mampu memperkukuh ekonomi tempatan dan boleh menjadi sumber pendapatan tambahan kepada komuniti penternak.

Sekali gus, membuka peluang pekerjaan dalam bidang pemrosesan, pembungkusan, pemasaran dan pengedaran produk.

"Penganjuran bengkel ini dilihat sebagai salah satu langkah strategik menyemarakkan semangat usahawanan tani dalam kalangan rakyat Kelantan, selari dengan prinsip Penghayatan Membangun Bersama Islam yang menekankan pertanian sebagai ibadah dan sumber keberkatan," ujarnya.

Penghulu perlu jadi ‘bapa’ kepada rakyat – MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 30 Ogos – Penghulu di seluruh Kelantan diseru agar memainkan peranan sebagai pemimpin berjiwa rakyat dan dianggap sebagai “bapa” kepada masyarakat mukim masing-masing, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Menurut beliau, penghulu bukan sekadar pegawai pentadbiran, tetapi mesti menjadi contoh kepimpinan yang dihormati, dihaigai dan dekat dengan rakyat.

“Biar rakyat rasa penghulu ini sebagai bapa. Bila rakyat rasakan penghulu sebagai bapa, maka mereka mudah patuh kepada arahan penghulu. Dan penghulu pun mesti merasakan dirinya sebagai bapa kepada rakyatnya. Jadi kita

sebagai penghulu mesti menjadi seorang bapa untuk masyarakat di kampung,” katanya ketika berucap merasmikan Program Hari Keluarga Penghulu Negeri Kelantan di Pantai Irama, di sini, hari ini.

Tambah beliau, penghulu juga perlu menghayati dasar-dasar kerajaan negeri, terutamanya dasar “Penghayatan Membangun Bersama Islam”, iaitu fasa ketiga dalam pelaksanaan dasar pemerintahan Islam di negeri ini.

“Tahap pertama adalah ‘Membangun Bersama Islam’, diikuti dengan ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’ dan sekarang kita berada di tahap ketiga iaitu ‘Penghayatan Membangun Bersama Islam’.

“Penghayatan bermaksud kita mesti laksanakan dasar yang diperkenalkan, bukan hanya ber-

cakap sahaja,” jelasnya.

Menteri Besar turut mengingatkan para penghulu agar sentiasa bersikap sabar dan matang dalam menghadapi cabaran serta melayani rakyat dengan bahasa dan pendekatan yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.

“Kita jadi pemimpin seperti sepon pohon pokok, apabila dibaling dengan batu, dibalas dengan buah,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urus setia Penghulu Negeri Kelantan Zulkifli Mamat berkata, penganjuran Program Hari Keluarga Penghulu merupakan manifestasi kesediaan rakyat dan pemimpin akar umbi dalam mendukung dan menterjemah dasar kerajaan negeri.

“Sehingga kini, terdapat 636 mukim di Kelantan dengan tujuh

orang penghulu bagi setiap mukim, menjadikan jumlah keseluruhan ahli jawatankuasa majlis penghulu mencecah 4,500 orang.

“Kekuatan jentera penghulu ini akan menjadi pemangkin dalam memastikan dasar “Penghayatan Membangun Bersama Islam” benar-benar dilaksanakan di setiap kampung dan mukim.

“Program ini juga bertujuan untuk melahirkan rasa kekeluargaan dalam kalangan penghulu sekali gus memperkukuh perpaduan dan kerjasama dalam melaksanakan amanah kepimpinan,” katanya.

Dalam program tersebut, Menteri Besar turut menyampaikan Sijil Anugerah Rumah Bersih, Ceria dan Indah kepada penghulu yang berjaya di setiap DUN untuk menjadi contoh kepada masyarakat.

Hadir sama, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato’ Md Anizam Ab Rahman, Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) YB Dato’ Abdul Rahman Yunus, Ketua Jajahan Bachok Mohd Zaki Yusof dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) dan Ahli Parlimen.

GREAT UMK bentang hasil penyelidikan berkaitan REE Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 September – Usaha membangunkan sektor mineral nadir bumi (Rare Earth Elements REE) di Kelantan melangkah ke fasa lebih teratur apabila Pusat Keusahawanan Teknologi Emas, Nadir Bumi dan Bahan (GREAT). Universiti Malaysia Kelantan (UMK) membentangkan inisiatif penyelidikan komprehensif kepada kerajaan negeri.

Kunjungan hormat itu diketuai Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Ts. Dr. Arham Abdullah, dan disambut oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan, di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim pada Isnin.

Menurut Dato’ Dr Mohamed Fadzli, pembentangan tersebut merangkumi aspek pemetaan ge-



ologi, analisis mineralogi serta metodologi pemprosesan REE yang disokong kepakaran teknikal GREAT.

“Saya dimaklumkan GREAT memiliki kemudahan makmal bersepadu dengan peralatan analisis mineral canggih, menjadikannya rujukan penting dalam

penyelidikan dan pembangunan REE di Malaysia,” katanya dalam satu hantaran di media sosial.

Beliau menyifatkan keupayaan teknikal serta jaringan kerjasama strategik GREAT sebagai aset penting bagi memastikan pembangunan mineral negeri dapat dilaksanakan secara berhemah dan ber-

impak tinggi.

“Hasil kajian empirikal yang dibentangkan boleh dijadikan penanda aras kepada kerajaan negeri dalam menilai potensi REE, menetapkan garis panduan kelestarian serta memastikan pengurusan sumber mineral dijalankan secara telus dan lestari,” jelasnya.



Setangan Getam Budu diisytihar sebagai Warisan Negeri Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 3 September — Setangan Getam Budu, tengkolok tradisional kebanggaan negeri Kelantan kini diangkat sebagai warisan rasmi negeri ini dalam satu majlis penuh adat dan bersejarah yang berlangsung di Istana Balai Besar di sini, hari ini.

Majlis perisytiharan tersebut disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni al-marhum Sultan Ismail Petra.

Dalam titahnya, baginda turut merasmikan Festival Tekstil dan Warisan Kelantan 2025.

“Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, kita merasmikan Festival Tekstil dan Warisan Kelantan 2025 dan mengisytiharkan bahawa Setangan Getam Budu sebagai warisan Kelantan,” titah baginda.

Setangan Getam Budu merupakan tengkolok khas negeri Kelantan yang menjadi tanjak rasmi kepada Sultan Kelantan.

Destar tersebut melambangkan kedaulatan institusi diraja dan dipakai oleh kerabat diraja, pembesar negeri serta pegawai tadbir dalam majlis-majlis adat istiadat di istana.



Getam Budu diperbuat sepenuhnya daripada sehelai kain songket tanpa dipotong. Proses pembuatannya sangat teliti, dimulakan dengan lipatan kain menjadi bentuk segi tiga bagi membentuk tapak seperti songkok, sebelum dijahit tangan secara kemas agar tidak kelihatan jahitan.

Bahagian hadapannya pula diperindah dengan lipatan berbentuk bunga, manakala simpulan khas menghiasi bahagian belakangnya.

Getam Budu mula dipakai semasa pemerintahan Sultan Ismail Sultan Muhammad IV sekitar tahun 1920 hingga 1944.

Setangan Getam Budu digandungkan bersama busana rasmi seperti baju kebangsaan dan sampung

hitam, menjadikannya simbol penuh wibawa dalam tradisi istana Kelantan.

Sebagai sebahagian daripada acara simbolik perisytiharan, Setangan Getam Budu telah diarak mengelilingi sekitar kawasan Istana Balai Besar dengan diiringi dua ekor gajah, iaitu Cheri dan Rambai yang menyemarakkan lagi suasana penuh adat dan warisan.

Untuk rekod, Festival Tekstil dan Warisan Melayu Kelantan berlangsung dari 1 hingga 14 September, di Istana Balai Besar, bermula pukul 9 pagi hingga 10 malam. Masuk adalah percuma.

Pelbagai pameran di tampilkan sempena festival tersebut, antaranya Bunga Emas Kelantan yang asli, iaitu warisan kesultanan Kelantan

“Setangan Getam Budu merupakan tengkolok khas negeri Kelantan yang menjadi tanjak rasmi kepada Sultan Kelantan,”

yang julung kali dipamerkan secara umum untuk tatapan orang ramai.

Turut dipamerkan keris warisan Melayu Kelantan serta warisan Melayu dari seluruh nusantara, serta barangan tembaga.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut, Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasruddin Daud, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato’ Kaya Perba Dato’ Mohamad Shukri Mohamad.



Kelantan tubuh MPKK, bantu penghulu urus hal ehwal rakyat

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 3 September — Kerajaan Negeri Kelantan mengambil langkah proaktif memperkukuh tadbir urus di peringkat akar umbi dengan menubuhkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi membantu penghulu melaksanakan urusan rakyat secara lebih sistematik dan berkesan.

Inisiatif yang dikendalikan melalui Majlis Penghulu Negeri Kelantan itu dilancarkan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan, dalam satu majlis rasmi di Pantai Irama, Bachok, pada Sabtu.

Menurutnya, penghulu merupakan tonggak penting pentadbiran mukim dan sering kali lebih rapat dengan masyarakat berbanding wakil rakyat, justeru sokongan tambahan amat diperlukan agar peranan mereka lebih mantap.

“Kadang-kadang bagi masyarakat, penghulu lebih penting daripada wakil rakyat kerana mereka lebih banyak masa bersama rakyat,” katanya.

Tambahnya, penghulu merupakan pemimpin tempatan sekali



gus penghubung dua hala rakyat dan Kerajaan yang menyampaikan aspirasi masyarakat kepada pihak berwajib serta memastikan dasar kerajaan difahami rakyat di peringkat kampung.

Sehubungan itu, katanya, penubuhan MPKK membolehkan bantuan yang sebelum ini hadir secara tidak rasmi daripada masyarakat disusun lebih teratur dan

bersistem.

“Dengan MPKK, penghulu kini mempunyai sokongan tujuh orang ahli tetap di setiap mukim untuk membantu mengurus hal ehwal kampung, kebajikan, dan pembangunan masyarakat setempat,” jelasnya.

Kelantan kini memiliki 636 mukim dengan hampir 4,500 ahli MPKK di seluruh negeri, menjadi-

kan langkah berkenaan satu jaringan sokongan besar yang diyakini mampu meningkatkan keberkesanan pentadbiran di peringkat akar umbi.

Penubuhan MPKK juga disifatkan sebagai penggerak penting dalam menjayakan dasar “Penghayatan Membangun Bersama Islam”, yang menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Yayasan Kasih Mutiara legasi tokoh korporat Kelantan perkukuh kebajikan



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 3 September — Sejarah baharu dilakar apabila Yayasan Kasih Mutiara yang diasaskan Pengerusi Eksekutif Konsortium E-Mutiara Berhad Che Ibrahim Che Ismail atau lebih dikenali sebagai Pak Nik Lah, dilancarkan secara rasmi.

Majlis bersejarah itu disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz

Dato' Mohd Nassuruddin Daud di sebuah hotel di sini, semalam.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Pak Nik Lah membangunkan yayasan hasil daripada usaha keras dan pengalaman lebih 50 tahun dalam industri pengangkutan.

Menurutnya, penubuhan yayasan tersebut melangkaui kejayaan dunia korporat kerana memfokus kepada pendidikan, kelestarian,

kemahiran serta kebajikan masyarakat.

“Yayasan Kasih Mutiara akan menjadi jambatan amal soleh yang bukan sahaja mengangkat taraf hidup masyarakat, tetapi juga bekal pahala berpanjangan di akhirat,” katanya.

Beliau menzahirkan harapan agar yayasan berkenaan mampu melahirkan lebih ramai insan berjaya yang berbakti kepada tanah air,

sekali gus mewujudkan masyarakat yang makmur, sejahtera dan sentiasa dirahmati Allah SWT.

Baginya, penubuhan Yayasan Kasih Mutiara menandakan kesinambungan perjuangan tokoh korporat Kelantan (Pak Nik Lah) membina empayar dalam dunia pengangkutan, bahkan turut menyumbang kembali kepada masyarakat melalui wadah kebajikan dan pembangunan insan.




Bunga Mas Kelantan julung kali dipamerkan kepada umum di Festival Warisan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 3 September – Sejarah dan warisan negeri Kelantan melakar detik bersejarah apabila Bunga Mas Kelantan buat julung kalinya dipamerkan kepada orang ramai sempena Festival Tekstil dan Warisan Melayu Kelantan yang berlangsung di Istana Balai Besar, di sini, mulai 1 hingga 14 September.

Festival anjuran Pejabat Sultan Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dan Malaysia Craft Council (MCC) itu memberi peluang kepada masyarakat untuk menyaksikan sendiri keindahan artifak bersejarah yang menjadi lambang hubungan diplomasi dan kedaulatan negeri dalam sejarah Alam Melayu.

Menurut Pegawai Protokol Pejabat Sultan Kelantan Dr. Mohamed Safaruddin Ismail, festival



berkenaan bukan sahaja mengetengahkan Bunga Mas bahkan turut memperkenalkan keindahan tekstil Melayu serta pelbagai khazanah warisan Kelantan.

“Festival ini bertujuan memberi pendedahan kepada pengunjung dari dalam dan luar negara tentang kehalusan seni tekstil Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Nusantara.

“Program ini juga membuka ruang generasi muda untuk mengenali warisan negeri seperti keris, barangan tembaga, pertukangan emas dan seni pembuatan tradisi,”

katanya ketika ditemui, semalam.

Selain pameran yang dibuka dari pukul 9 pagi hingga 10 malam, festival tersebut turut menampilkan demonstrasi langsung termasuk proses membuat kain telepuk, se-tangan getam budu, menenun songket, menghasilkan kain kelingkan, jebak puyuh, serta ukiran emas dan perak untuk barangan perhiasan.

Penganjur menjangkakan sambutan lebih memberangsangkan berbanding Festival Keris tahun lalu yang mencatat lebih 35,000 pengunjung dalam tempoh 17 hari.



“Berdasarkan maklum balas dua hari pertama, lebih 600 pengunjung telah hadir, menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Kami yakin kehadiran akan terus meningkat, khususnya kerana tarikan utama tahun ini ialah Bunga Mas yang dipamerkan buat kali pertama,” jelasnya.

Beliau berharap festival berkenaan dapat memupuk penghargaan mendalam terhadap warisan seni dan budaya Melayu, selain meneguhkan identiti masyarakat dengan nilai sejarah yang tiada tandingan.

MPIH Kelantan penyelarar utama agenda halal negeri



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 September – Penubuhan Majlis Pembangunan Industri Halal Negeri Kelantan (MPIH) dijangka menjadi penyelarar utama agenda halal negeri, sekali gus memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai antara pemain penting dalam industri halal negara.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, MPIH yang diluluskan pada 12 Mac

2025 akan berperanan menyelarar, memantau dan menggerakkan pembangunan industri halal negeri secara lebih sistematik, inklusif dan bersepadu.

“MPIH akan menjadi platform integrasi strategik antara agensi kerajaan, institusi pendidikan serta pemain industri dalam memperkasa ekosistem halal negeri.

“Saya yakin, usaha ini akan melonjakkan Kelantan sebagai penyumbang utama ke arah menjadikan Malaysia peneraju halal global,” ka-



tanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran MPIH dan Seminar Ekonomi Syariah serta Industri Halal Negeri Kelantan 2025 di sebuah hotel di sini, hari ini.

Menurutnya, kekuatan identiti negeri yang berpaksikan syariat Islam, pendidikan agama yang kukuh serta jaringan usahawan kecil dan sederhana (PKS) yang dinamik memberi asas teguh kepada Kelantan untuk mengembangkan industri

halal.

“Antara langkah yang telah dilaksanakan termasuk mewajibkan sijil halal bagi premis tertentu dalam proses pembaharuan lesen perniagaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), memperluaskan pensijilan halal kepada industri kotej, serta membimbing usahawan menaik taraf perniagaan mereka,” jelas beliau.

Dalam majlis berkenaan, sebanyak sepuluh usahawan menerima Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Manakala Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pula mengumumkan penubuhan Pusat Halal KIAS yang menawarkan kursus profesional halal dengan pengiktirafan JAKIM.

Turut hadir, mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Ahmad Yakob dan Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feisal.



Bunga Mas Kelantan julung kali dipamerkan kepada umum di Festival Warisan

Majlis Perundingan Wanita Kelantan 14 tahun perkasakan suara wanita

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 4 September — Kelantan terus memperkukuh kedudukan wanita sebagai rakan strategik pembangunan negeri apabila Majlis Perundingan Wanita Kelantan (MPWN) memasuki sidang ketujuh bagi sesi 2025–2027, menjadikannya wadah unik yang hanya wujud di negeri ini dan telah berperanan selama 14 tahun memperkasa suara wanita.

Majlis Watikah Lantikan MPWN menyaksikan 36 ahli Majlis Perundingan Wanita Negeri dan 442 ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen menerima watikah rasmi mewakili 14 parlimen seluruh Kelantan, di sebuah hotel, di sini, pada Rabu.

Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) Ilvira Mohd Dasuki menegaskan bahawa pelantikan tersebut adalah kesinambungan perjuangan wanita dalam kerangka Dasar Wanita Solehah Kelantan.

“Sejak ditubuhkan, MPWN telah melakar kejayaan termasuk Skim Cakna Hawa yang memberi manfaat kepada lebih 10,000 penerima sejak 2020, bantuan kanser payudara kepada 675 penerima sejak 2024, serta penganjuran bengkel



kel Celik Undang-undang yang memperkasa wanita dengan ilmu untuk membela mangsa kes-kes sosial,” katanya.

Beliau menambah, MPWN bukan sahaja pendengar masalah rakyat, bahkan perlu menjadi agen proaktif yang membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan merujuk kepada jabatan berautoriti.

Sementara itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri merangkap Pengerusi MPWN YB Rohani Ibrahim menzahirkan penghargaan kepada ahli majlis atas dedikasi mereka sejak penubuhan.

“Sudah tujuh sidang, bermakna 14 tahun MPWN menjadi wadah memperkasa wanita di negeri ini. Terima kasih kepada yang lama

berkhidmat dan tahniah kepada yang baharu. Jangan anggap amanah ini beban kerana Allah SWT akan membantu mereka yang diberi jawatan tanpa diminta,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa ahli MPWN perlu celik isu masyarakat dan turun ke lapangan sebagai mata serta telinga kerajaan negeri, termasuk mendekati rakyat melalui penghulu wanita dan penghulu antara kaum yang turut menjadi sebahagian jawatankuasa ini.

YB Rohani juga percaya melalui kerangka Dasar Wanita Solehah Kelantan dan Dasar Keluarga Mawaddah, MPWN diyakini terus memperkukuh peranan wanita negeri ini sebagai penggerak pembangunan masyarakat dan sebagai aset kebajikan akhirat.

“

Sejak ditubuhkan, MPWN telah melakar kejayaan termasuk Skim Cakna Hawa yang memberi manfaat kepada lebih 10,000 penerima sejak 2020, bantuan kanser payudara kepada 675 penerima sejak 2024, serta penganjuran bengkel Celik Undang-undang yang memperkasa wanita dengan ilmu untuk membela mangsa kes-kes sosial,”

Majlis berkenaan turut menyaksikan penyampaian Anugerah Majlis Perundingan Wanita Kelantan Cemerlang, dengan Kubang Kerian dinobatkan sebagai juara, diikuti Machang (kedua), Tumpat (ketiga), Kota Bharu (keempat) dan Pengkalan Chepa (kelima).

Selain itu, enam individu menerima Anugerah Setiausaha Cemerlang sebagai pengiktirafan komitmen mereka dalam menggerakkan program wanita di peringkat akar umbi.

Mereka terdiri daripada Rosnormazita Mohamed (Keterah), Fadhilah Mohd Nor (Pengkalan Chepa), Siti Yang Norasyikin Mohamad Radzi (Machang), Rohaini Zakaria (Jeli), Norma Mohamed Salleh (Tumpat) dan Norazlina Said (Tanah Merah).

